

04/01/2002

Amerika Syarikat keluar risalah sebar propaganda

KUALA LUMPUR, Khamis - Amerika Syarikat (AS) mengeluarkan satu risalah sebagai taktik terbaru untuk menyebarkan propaganda bagi memenangi sokongan pelbagai pihak, dalam apa yang mereka dakwa sebagai usaha memerangi kegiatan pengganas, yang didalangi Osama serta Rangkaian al-Qaeda.

Risalah 25 muka surat yang dinamakan 'Rangkaian Keganasan' itu diterbitkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat dan salinan dalam Bahasa Melayu risalah itu turut dihantar ke pejabat Berita Harian oleh Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Marie T Huhtala.

Kerajaan dan rakyat Amerika katanya, sangat menghargai ratusan ucapan takziah yang dikirimkan dari Malaysia selepas serangan itu dan atas sokongan kuat yang diterima dari negara ini berhubung cabaran baru dari segi keselamatan, diplomasi, perdagangan dan pembangunan.

Malah muka surat 13 risalah itu yang bertajuk 'Respon Malaysia Terhadap Keganasan' turut memuatkan gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menandatangani buku takziah untuk mangsa 11 September di Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur.

"Sudah sekian lama, keganasan bermaharajalela di seluruh dunia. Saya berharap tuan puan bersetuju iaitu orang yang tidak berdosa tidak seharusnya menderita dalam serangan tiga bulan lalu, dengan itu kita harus bekerjasama mengatasi keganasan ini," kata Huhtala dalam surat yang disertakan bersama risalah berkenaan.

(END)